


سوارا مسجد العظیم  
**Suara  
Masjid  
Al-Azim**



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 24/4/2009**

TUAN HJ. YAACOB BIN AB. MAJID - IMAM RAWATIB

USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASARI - BILAL

**(Tajuk Khutbah : Remaja Pemangkin  
Khaira Ummah)**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.46	7.04	1.11	4.27	7.16	8.27	5.36

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

**Bil. 17/2009**

**Tarikh: 24 April 2009 / 28 Rabiulakhir 1430H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

## **DEMIKIANLAH MASA MENCERITAKAN KEPADA KITA**

*Sambungan dari minggu yang lepas*

### **6. Senyumlah**

Apabila kamu sedang gundah, sedih dan kerisauan sedang menyesakkan dadamu, maka senyumlah, kerana kesedihan yang kamu rasakan tersebut kemungkinan adalah penghapus dosa dan kesalahanmu. Jika kamu dalam keadaan fakir, tatkala kamu merasakan keadaan yang serba kekurangan, maka senyumlah, kerana kefakiran ini mungkin lebih baik bagi dirimu yang boleh menjauhkan kamu daripada keangkuhan disebabkan kekayaan dan menjauhkan kamu daripada kesombongan disebabkan melimpahnya harta serta menyelamatkan dirimu daripada fitnah dan tipu daya dunia.

Apabila kamu sakit dan terbaring di atas tilam putih maka senyumlah kerana sakit yang menimpa kamu adalah pencuci dosa dan pembersih kesalahan-kesalahan kamu. Senyum juga adalah ubat bagi hatimu dan sesuatu yang boleh membuatkan kamu kembali dekat dan semakin dekat kepada Tuhan. Apabila kamu dianiaya dan dihina oleh orang lain, maka senyumlah kerana kamu adalah orang yang dianiaya bukan orang yang menganiaya. Panjatkanlah puji syukur kepada Allah S.W.T. yang telah menjaga diri kamu hingga kamu tidak berada pada posisinya dan ia pula tidak berada pada posisi kamu.

Apabila putera yang sangat kamu sayangi diambil oleh zat yang menitipkannya kepadamu maka senyumlah, kerana dia adalah orang yang akan memberikan syafaat kepadamu, dia telah menjadikan pahala yang mendahului bagimu, dia telah pergi dengan membawa kesusahan dan tanggungjawab yang sebenarnya harus kamu pikul selama dia masih hidup, sedangkan pahala dan balasannya tidak ikut serta dibawa pergi, tetapi sentiasa mengalir kepadamu. Jika kamu ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara bersendirian, maka senyumlah, kerana dengan masuknya kamu ke dalam penjara, Allah S.W.T. ingin menjauhkan diri kamu daripada kemaksiatan, menyelamatkan kamu daripada

musibah dan memelihara kamu daripada bencana yang membinasakan. Oleh itu, biasakanlah untuk sentiasa tersenyum.

### **7. Ucapan-Ucapan Para Tokoh Asing**

Afred Mortin, penulis buku yang bertajuk, "*Tidurlah sedikit, maka kamu akan merasakan hidup lama*" berkata, "Sesungguhnya kita mewariskan kebiasaan tidur nenek moyang kita terdahulu."

Bonathan Swift dari Inggeris berkata, "Doktor terbaik di dunia ada tiga, iaitu doktor diet, doktor ketenangan dan doktor riang gembira."

Morseih berkata, "Kamu tidak akan pernah menjadi besar kecuali dengan rasa sakit yang juga besar."

Gostaf Lobbon berkata, "Dunia tidak mengetahui sebuah bangsa yang lebih adil dan lebih penyayang yang pernah menguasai dan menaklukkan selain dari bangsa Arab."

Samuel Jhonson berkata, "Melihat sisi positif dari setiap kejadian adalah jauh lebih mahal dan berharga berbanding mendapatkan seribu Poundsterling setiap tahun."

Olser berkata, "Berikan kepada kami roti kami yang hanya untuk hari ini sahaja."

Thomas Carlel berkata, "Jangan lihat apa yang terjatuh di dalam kegelapan, tetapi lihatlah apa yang terjatuh dekat dengan kamu."

Stevanson berkata, "Setiap orang sebenarnya mampu untuk hidup bahagia hingga matahari kehidupan terbenam."

Denti berkata, "Fikirkan bahawa hari ini tidak akan muncul untuk kedua kalinya."

Kalidasa, seorang warga India berkata, "Semalam telah mati, hari ini sedang lahir dan hari esok ghaib."

Dr. Josef Montaggio, penulis buku *Problem Emosional* berkata, "Kamu tidak sakit disebabkan apa yang kamu makan, tetapi kamu sakit disebabkan apa yang menggigit jiwa kamu."

Shakespeare berkata, "Jangan nyalakan tempat pembakaran roti untuk musuh kamu, kerana kamu akan terjatuh ke dalamnya."

Brandoni berkata. "Jangan tangisi susu yang telah tertumpah."

Del Karnegi berkata. "Jangan cuba untuk menyebarkan serbuk kayu yang habis digergaji dan serbuk tepung."

Melton berkata, "Sesungguhnya akal boleh mengubah syurga menjadi neraka dan neraka menjadi syurga."

Napoleon berkata, "Saya telah memiliki segalanya; kehormatan, kekuasaan dan seni, namun di dalam kehidupan ini saya tidak merasakan kebahagiaan melainkan hanya enam hari sahaja."

Ahli falsafah Abektos berkata, "fikiran-fikiran keliru dan menyimpang yang bersemayam di dalam otak umpama luka membengkak pada tubuh yang harus dihilangkan. "Monten, seorang ahli falsafah Perancis berkata. "Manusia sebenarnya tidak terpengaruh dengan apa yang terjadi, tetapi ia terpengaruh dengan fikirannya tentang apa yang terjadi."

William James, bapa ilmu psikologi berkata. "Hidup kamu adalah produk dari fikiran-fikiran kamu."

Schubenhör seorang ahli falsafah Jerman, dalam bukunya "*Kajian mengenai rasa pesimis*" berkata, "Kamu sendiri yang akan membayar harga balas dendam yang kamu lakukan."

Jeneral Echzinhor berkata, "Jangan mensia-siakan waktu kamu hanya untuk memikirkan musuh-musuh kamu walaupun hanya satu minit. Oleh itu, hapuslah nama-nama mereka daripada ingatanmu."

Confucius berkata, "Perkara yang mustahak adalah bukan perlakuan yang tidak baik yang kamu terima, tetapi memikirkan siapa yang memperlakukan kamu secara tidak senonoh."

Aristoteles berkata, "Orang yang ideal adalah orang yang memberikan kemanfaatan dan kebaikan kepada orang lain manakala orang yang gagal adalah orang yang meminta kemanfaatan dan kebaikan dari orang lain."

Berlin berkata, "Jika kamu bertekad untuk menjadi diri kamu sendiri dan tidak mahu meniru orang lain, maka kamu akan menjadi seorang yang istimewa di dunia."

Amterson dalam bukunya "Percaya dan bergantung pada diri sendiri" berkata, "Sikap ingin meniru dan luntur di dalam keperibadian orang lain adalah salah satu bentuk bunuh diri."

Bath Haven berkata, "Kesedihan dan kesengsaraan yang kita alami boleh membantu kita untuk berjaya."

Politho berkata, "Setiap orang bodoh akan selalu mengambil manfaat daripada keuntungan-keuntungan yang dimiliki, namun orang yang cerdas adalah orang yang mampu mengubah kerugian-kerugian yang dialaminya menjadi sebuah keuntungan."

Abraham Lincoln berkata, "Apabila saya mencuba membaca surat-surat yang berisikan cacian dan celaan yang ditujukan kepada saya, maka saya pasti sudah berhenti bekerja."

Benjamin Franklin berkata, "Setiap kali kamu berbuat baik kepada orang lain, maka kamu telah berbuat baik

kepada dirimu sendiri."

Francis Bacon berkata, "Sedikit ilmu boleh membuat kamu menjadi orang yang Atheis (tidak bertuhan). Dan apabila kamu mahu untuk memperdalam ilmu, maka kamu akan beriman kepada Tuhan."

Karl Jank, dalam bukunya yang bertajuk, "*Manusia kontemporari di dalam mencari nilai-nilai spirituil*" berkata, "Semua orang adalah sakit kecuali orang-orang yang beriman kepada Tuhan mereka,"

Mahatma Ghandi berkata, "Tanpa solat, pasti saya sudah gila semenjak dulu lagi."

Alexis Carel, peraih hadiah *novel* dalam bukunya yang bertajuk "*Manusia yang hilang*" berkata, "Tenaga terbesar bagi manusia adalah solat."

Thomas Jeferson berkata, "Lakukan apa yang menurut kamu benar dan palingkan punggung kamu kepada setiap kritikan rendahan."

Walt Withman berkata, "Belajarlah lebih banyak daripada musuh kamu berbanding daripada kawan kamu."

Bechzamehor' berkata, "Kesusahan dan kesengsaraan sebelum datangnya kebahagiaan dan kelapangan adalah umpama rasa lapar sebelum datangnya rasa kenyang. Ia mampu menjadikan seseorang benar-benar merasakan suatu kenikmatan."

Aflaton berkata, "Bencana dan dugaan boleh membaiki jiwa, manakala keadaan lapang dan kecukupan adalah sebaliknya."

Arnold Twimpy berkata, "Sikap bersenang-senang adalah bertentangan dengan kemajuan dan peradaban."

Achzedsar berkata, "Kesusahan bagaikan celak yang boleh kamu gunakan untuk melihat apa yang kamu lihat ketika dalam keadaan mendapatkan nikmat."

"Becrat berkata, "Mengurangkan perkara-perkara yang berbahaya adalah lebih baik berbanding memperbanyak perkara-perkara yang bermanfaat."

Schwacer, salah seorang penyair Inggeris berkata, "Pengalaman boleh diperolehi dari buku dan juga mengalami sendiri perbagai kejadian hidup."

Winston Churchill berkata, "Politik adalah anak perempuan sajarah, sejarah anak lelaki adalah geografi dan geografi tidak akan pernah berubah."

Mereka berkata bahawa seandainya Franso Volter, sasterawan dari Perancis tidak melakukan kritikan terhadap William Shakesheare dan menyebarkan kelemahan kelemahannya, maka dia (William Shakespeare) tidak akan semasyhur sekarang."

Bertrand Russel berkata, "Sesungguhnya Roger Bacon telah mampu mengeluarkan dan membebaskan fikiran orang-orang Inggeris daripada cengkaman kegelapan gereja, kerana dia telah membaca karya-karya para falsafah Arab."

Cresy Morison, dalam bukunya yang bertajuk, "*Manusia tidak boleh berdiri sendiri*" berkata, "Jika kamu ragu apakah kamu boleh atau tidak, maka lihatlah haiwan yang bernama lebah dan renungkanlah."

Phitagoras berkata, "Peliharalah timbangan kamu daripada suara keras dan beban kamu daripada gema. Ia bermaksud berhati-hatilah terhadap lisan kamu daripada perkataan kotor dan akal kamu daripada hawa nafsu."

Bersambung di minggu hadapan

**INFO FATWA**  
**SYEIKH ALI JUM'AH (MUFTI MESIR)**  
**MASALAH BERSUCI**

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Empat Ratus Lima

Sambungan dari minggu yang lepas

## 10. Hukum Orang Yang Menggauli Isterinya Pada Waktu Haid.

### Soalan :

Jika seseorang menggauli isterinya pada waktu haid - bagaimana hukum dan kifaratnya?

### Jawapan:

Hukumnya adalah haram dan wajib bertaubat kepada Allah S.W.T. Yang dimaksudkan dengan taubat adalah meninggalkan perbuatan dosa yang kita lakukan serta berjanji di dalam hati tidak akan mengulanginya kembali selamanya. Kemudian mengucapkan istighfar (pemohonan ampun) kepada Allah S.W.T. Jika kesalahan yang kita lakukan berhubung dengan hak manusia maka hak mereka itu wajib kita kembalikan. Sedangkan jika kesalahan yang kita lakukan berhubung dengan kewajiban membayar kifarar maka kifarar tersebut wajib ditunaikan.

Pertanyaannya adalah apakah kesalahan seperti di atas menyebabkan wajib membayar kifarar?

Ya, kesalahan tersebut membuat seseorang wajib membayar kifarar. Iaitu sebesar satu dinar. Ukuran satu dinar saat ini adalah empat gram tambah seperempat ( $4\frac{1}{4}$ ) emas. Sedangkan harga emas pada hari ini di pasar Mesir adalah senilai 77 paun pergram. Maka jika jumlah tersebut dikalikan dengan ( $4\frac{1}{4}$ ) maka hasilnya adalah sebanyak 326 paun lebih kurang. Harga emas pergram boleh jadi terkadang mencapai lapan puluh (80), sembilan puluh (90) atau bahkan seratus (100) paun.

Emas yang dimaksudkan di sini adalah emas jenis dua puluh satu (21). Untuk mengetahui perubahan harganya, kita perlu kepada media masa.

Sekilas tentang ketetapan ( $4\frac{1}{4}$ )

Ukuran inilah yang ada pada zaman Nabi S.A.W. dahulu Nabi S.A.W. menyatakan bahawa kifarar orang yang menggauli isterinya di waktu haid adalah sebanyak satu dinar dan di dalam riwayat lain adalah setengah dinar. Para ahli feqah berusaha mencari titik temu daripada dua riwayat yang berbeza tersebut. Mereka (para ulama fikih) menyatakan, "Jika dia (suami) menggauli isterinya pada permulaan haid maka kifaratnya adalah sebanyak satu dinar. Sedangkan jika dia menggaulinya pada masa haid isterinya hampir habis maka kifaratnya adalah sebanyak setengah dinar. Kenapa? Sebab masa tunggu tersebut (yang hampir seminggu bahkan terkadang lebih) adalah masa yang terlalu lama bagi sebahagian orang untuk melakukan hubungan intim dengan isterinya. Tidak demikian dengan orang yang

Bersambung di m/s 4 >>>

هَيَّا نَذْهَبُ لِلنَّزْهَةِ

## MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR

محمود : كَيْفَ كَانَتْ حَزِيرَةُ "لُغَاوِي"؟

Mahmud: Bagaimana keadaan di Pulau Langkawi?

عائشة : "لُغَاوِي" حَزِيرَةٌ حَمِيْلَةٌ.

Aisyah: Langkawi sebuah pulau yang cantik.

محمود : إِنْ شَاءَ اللهُ سَأَذْهَبُ إِلَى "لُغَاوِي" لَتَمْتَعَ بِتِلْكَ الْمَنَاطِرِ الْمُدْهِشَةِ.

Mahmud: Saya dengar bahawa pantai-pantainya menakjubkan. Tidakkah begitu?

عائشة : بَلَى. بِالطَّبَعِ شَوَاطِئُهَا حَذَابَةٌ وَرِمَالُهَا نَظِيْفَةٌ وَمِيَاهُهَا صَافِيَةٌ.

Aisyah: Ya. Sudah tentu pantai-pantainya menakjubkan, pasir-pasirnya bersih dan airnya jernih.

محمود : إِنْ شَاءَ اللهُ سَأَذْهَبُ إِلَى "لُغَاوِي" لَتَمْتَعَ بِتِلْكَ الْمَنَاطِرِ الْمُدْهِمَةِ.

Mahmud: Kiranya diizinkan Allah, saya akan pergi ke Langkawi untuk menikmati pemandangan-pemandangan yang menakjubkan itu.

**Kamus:** الْمُعْجَمُ

Bersih: نَظِيْفَةٌ

رِمَالٌ : Pasir-pasir

Air (dalam kuantiti: مِيَاةٌ  
yang banyak)

Yang menakjubkan: الْمُدْهِشَةُ

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

#### PENAUANG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

#### PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pengaroh JAIM)

#### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
Bin Hashim Al-Hafiz  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

#### EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

#### PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim  
(Imam Satu)

#### SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad  
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid  
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar  
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

# JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz  8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < < sambungan dari m/s 3

menggauli isterinya di awal-awal dia mula haid. Inilah sebabnya maka orang yang telah lama menahan keinginan biologinya mendapat keringanan dia dalam membayar kifarat atas kesalahannya tersebut.

Lihatlah betapa indah dan rasionalnya ajaran Islam, sehingga dalam masalah kifarat pun dia menunjukkan khas ajarannya yang merupakan rahmat bagi sekalian alam.

Tetapi adakah ini bererti bahawa Islam memberi peluang kepada seseorang untuk menggauli isterinya di akhir haidnya sehingga ia (Islam) memberikan ke-longgaran baginya di dalam membayar kifarat kesalahannya tersebut? Tidak. Sebab tabiat seorang manusia yang normal adalah takut terhadap segala maksiat, sekecil apapun ia. Siapakah yang dapat memberimu jaminan bahawa engkau akan hidup satu minit lagi sehingga engkau dapat melakukan taubat? Ketahuilah wahai saudaraku seiman, bahawa Allah S.W.T. membuat penghalang (pemisah) antara diri seorang hamba dengan hatinya. Adakah orang yang berani menjamin bahawa engkau akan hidup sampai engkau bertaubat? Tahukah engkau bahawa seseorang dapat saja menemui ajalnya disaat dia sedang melakukan maksiat? Kejadian seperti itu sangat banyak kita saksikan. Ada yang tiba-tiba mati dalam perjalanan, ada yang sedang asyik bekerja, ada yang tiba-tiba ditimpa bencana alam atau kemalangan-kemalangan, ada yang diserang penyakit mendadak dan sebagainya. Jika demikian kenyataannya, masihkah engkau yakin bahawa engkau pasti akan hidup sampai

masa taubatmu datang? Seharusnya kita malu kepada diri kita sendiri. Sebab Allah S.W.T. telah memberikan rahmat (belas kasih)Nya sehingga dalam masalah kifarat. Kenapakah kita tanpa rasa beban dan salah tetap saja melanggar larangannya? Dalam kesempatan ini kami ingin nasihatkan kepada kita semua bahawa jika Allah S.W.T. memberikan belas kasih dan keringanan bagi kita, itu bukan bererti memberi jalan atau peluang bagi kita untuk terus-terusan di dalam melakukan maksiat.

Wahai saudaraku, malulah kepada Tuhanmu. Segeralah kembali kepadaNya. Sebab Allah S.W.T. itu Maha Baik (Mulia), lalu kenapa engkau tidak mahu mematuhiNya?

Demikianlah perbezaan antara orang yang menggauli isterinya di waktu haid dan orang yang menggaulinya setelah suci namun belum mandi janabah. Selanjutnya kita juga telah sampaikan perbezaan antara orang yang menggauli isterinya di awal waktu haid dengan orang yang menggaulinya di akhir masa haid. Di mana di dalam kes pertama yang bersangkutan diwajibkan membayar denda (kifarat) sebesar satu dinar. Sedangkan orang yang menggaulinya di akhir masa haid dikenakan kewajipan membayar kifarat sebesar setengah dinar, dengan alasan seperti yang telah kita kemukakan di atas.

*Bersambung di minggu hadapan*

**Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim**

**17.4.2009 - RM 3,859.00**

**PERINGATAN :**

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI